

Buang, jual bayi tanda keruntuhan moral

Aktifkan Komuniti Anda!

S-H 19/06/08 MS 5

Bagi remaja yang hamil di luar nikah mesti dibantu menjalani pemulihan yang bukan sahaja menyediakan bantuan menjaga kehamilan tersebut, malah membina kekuatan dalaman dan rohaniah mereka.

buang bayi sama ada yang masih hidup atau pun mati.

Ketua Wanita JIM Pusat, Dr Harlina Halizah Siraj berkata, kebimbangan itu bertambah serius apabila negara dikejutkan pula dengan pembongkaran sindiket jual beli bayi di Johor membabitkan lima kes.

Katanya, JIM sedih kerana yang ditahan dan melakukan sindiket itu ialah seorang doktor perubatan dan seorang pegawai penjawat awam.

"Mereka lebih arif dan maklum dengan hukuman dan undang-undang yang menunggu bagi kesalahan itu, tetapi perbuatan itu seolah-olah tidak ada makna bagi mereka.

"Pendedahan mengenai sindiket ini sebenarnya telah memberi gambaran betapa rendahnya nilai nyawa dan kehidupan manusia zaman sekarang," katanya kepada **Sinar Harian** di pejabatnya di Melawati de-

"Pendedahan mengenai sindiket ini sebenarnya telah memberi gambaran betapa rendahnya nilai nyawa dan kehidupan manusia zaman sekarang. Apa yang penting ialah penguatkuasaan undang-undang Malaysia perlu tegas dalam menangani mereka yang sengaja turut melibatkan diri dalam sindiket penjualan bayi."

Dr Harlina Halizah Siraj



kat sini.

Menurut Dr Harlina, pembabitkan kumpulan profesional seperti doktor perubatan dan juga penjawat awam dalam sindiket itu menunjukkan betapa wang ringgit mampu mengelabui mata manusia sehinggakan mereka sanggup melanggar etika profesion masing-masing.

Katanya, pembendungan gejala tidak bermaruah dan bermoral itu perlu dilakukan sekarang, demi bangsa dan masyarakat akan datang.

"Langkah yang berkesan

perlu diambil semua pihak bagi membendung gejala sosial dan seksual ini. Jangan pula masyarakat kita dibanjiri kelahiran anak terbiar yang sudah tentu kehilangan kasih sayang.

"Antaranya, usaha pencegahan perlu bermula dari dalam diri anak-anak remaja agar mampu bertindak bijak menjauhi zina serta pedoman dan ajaran agama dari ibu bapa serta keluarga mesti dipertingkatkan," katanya.

Kata beliau, bagi remaja yang hamil di luar nikah mesti dibantu menjalani pemulihan

yang bukan sahaja menyediakan bantuan menjaga kehamilan tersebut, malah membina kekuatan dalaman dan rohaniah mereka.

Sementara itu, Dr Harlina berkata, usaha membimbing kaum lelaki perlu dilakukan supaya tidak mudah mengambil kesempatan terhadap wanita.

"Apa yang penting ialah penguatkuasaan undang-undang Malaysia perlu tegas dalam menangani mereka yang sengaja turut melibatkan diri dalam sindiket penjualan bayi," katanya.

■ SYAIRI SHAARI

TAMAN MELAWATI - Wanita Jemaah Islah Malaysia (JIM) kecewa dengan peningkatan bilangan kes pemuangan bayi sejak kebelakangan ini.

Menurut statistik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mendapati jumlah kes buang bayi sejak tahun 2000 hingga 2006 melibatkan 580 kes.

Dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, hampir saban hari ada laporan mengenai kes